

Mesyuarat akhir bincang ordinar buruh Sarawak, Sabah 18 Julai

BH 13 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Rabu - Mesyuarat akhir mengenai penyesuaian Ordinan Buruh di Sabah dan Sarawak dengan Akta Pekerjaan 1955 akan diadakan pada 17 dan 18 Julai ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata beliau sendiri akan berjumpa dan berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri serta Penasihat Undang-undang di kedua-dua negeri terbabit.

Katanya, penyesuaian Ordinan Buruh Sabah 1950 dan Ordinan Buruh Sarawak 1956 dengan Akta Pekerjaan 1955 penting bagi memastikan pekerja di seluruh Malaysia mendapat perlindungan yang sama.

Beliau berkata, dengan hanya satu undang-undang mengenai buruh, ia akan memudahkan kerajaan menyelenggara serta menyelesaikan masalah

pekerja di negara ini

“Ketika ini, ordinar buruh di kedua-dua negeri terbabit kurang memberi perlindungan yang sewajarnya kepada golongan pekerja terutama membabitkan kemudahan pekerja termasuk pampasan bagi mereka yang diberhentikan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusi mesyuarat Kabinet peringkat kementeriannya, di sini, hari ini.

Dr Fong berkata, apabila ordinar buruh di kedua-dua negeri terbabit diseragamkan dengan Akta Pekerjaan 1955, pekerja di kedua-dua negeri bakal menerima kemudahan seperti perlindungan pekerja, cuti sakit dan cuti bersalin.

Sebelum ini, Kementerian Sumber Manusia sudah mengemukakan cadangan untuk menyelaraskan Ordinar itu

dengan Akta Pekerjaan 1955 tetapi ditolak oleh kedua-dua negeri terbabit.

Kedua-dua negeri itu berpendapat ordinar itu tidak perlu dimansuhkan sebaliknya menyarankan beberapa peraturan dalam Akta Pekerjaan 1955 dimasukkan dalam ordinar berkenaan.

Terdahulu, Dr Fong berkata, Perhimpunan Hari Pekerja 2000 akan diadakan pada 29 Julai ini di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

Katanya, perhimpunan itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kira-kira 12,000 pekerja dari seluruh negara akan menyertainya.